

um 1/2.

# Punca banjir ditentukan selepas kajian – TPM

KUALA LUMPUR 31 Jan. – Punca sebenar banjir besar yang melanda beberapa daerah di negeri Johor baru-baru ini hanya akan ditentukan apabila kajian terperinci mengenainya selesai dijalankan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kajian itu sedang dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan bagi mengetahui punca sebenar bencana tersebut.

Bagaimanapun, beliau tidak menafi-

kan punca banjir di negeri itu adalah disebabkan oleh curahan air hujan melebihi daripada jumlah sepatutnya.

Menurutnya, buat masa tiada pihak boleh membuat kesimpulan mengenai punca bencana itu melainkan terdapat satu kajian mendalam mengenainya.

“Sememangnya kerajaan menerima pelbagai dakwaan terhadap punca tersebut, namun apa yang boleh dikatakan sekarang, puncanya adalah disebabkan oleh hujan turun jauh lebih tinggi daripada biasa.

“Ada sesetengah kawasan yang hujan sepatutnya turun dalam masa sebulan telah turun dalam masa 24 jam, itu punca sebenarnya banjir,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis Pemakaian Pangkat dan Serah Terima Tugas Panglima Angkatan Tentera di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman bahawa penambakan Pulau Tekong berhadapan muara Sungai Johor oleh Singapura sejak tiga tahun lalu diperca-

yai antara punca daerah Kota Tinggi terutama pusat bandarnya ditenggelami air lebih tiga meter dalam banjir besar pada 12 Januari lalu.

Peluasan pulau milik republik itu dikatakan menyebabkan muara Sungai Johor menjadi sempit dan menyukarkan air mengalir ke laut serta mengganggu pasang surut air laut.

Laluan yang tidak lancar menyebabkan Sungai Johor yang melalui pusat bandar Kota Tinggi melimpah dan menenggelamkan bandar itu.